



27 Februari 2014  
27 February 2014  
P.U. (A) 53

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT)  
(PINDAAN) (NO. 3) 2014

*FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT)  
(NO. 3) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 3) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Februari 2014.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “Negeri Johor”—

(a) dengan menggantikan butiran 7 dengan butiran yang berikut:

“(7). *(Laluan 17): Jalan Pelabuhan Pasir Gudang*

Dari pusingan U Persimpangan Bertingkat Perling di koordinat U164962.083065, T631174.734363 dan berakhir di Pelabuhan Pasir Gudang di koordinat U161169.436241, T654567.241883 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 12: Jalan Pelabuhan Pasir Gudang dan Jalan Permas Jaya-Pasir Gudang, Negeri Johor.

Jarak sepanjang 29.8 km.”;

(b) dengan memasukkan selepas butiran 34 butiran yang berikut:

“(35). (Laluan 35): Jalan Permas Jaya-Pasir Gudang

Dari Kg. Bakar Batu di koordinat U165426.079193, T643176.355429 dan berakhir di Pelabuhan Pasir Gudang di koordinat U161663.161532, T655527.203545 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 12: Jalan Pelabuhan Pasir Gudang dan Jalan Permas Jaya-Pasir Gudang, Negeri Johor.

Jarak sepanjang 13.4 km.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas PETA 11: LEBUH RAYA SULTAN ISKANDAR, NEGERI JOHOR peta yang berikut:

“PETA 12: JALAN PELABUHAN PASIR GUDANG DAN JALAN PERMAS JAYA-PASIR GUDANG, NEGERI JOHOR

